



اونیورسیتی ملیسیا فهع  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**KENYATAAN RASMI**  
**KEMASUKAN PELAJAR SECARA FIZIKAL KE KAMPUS PADA SEMESTER I**  
**SESI AKADEMIK 2021/2022**

1. Merujuk kenyataan rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 14 September 2021 yang membenarkan pelajar kembali ke kampus secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah bersetuju bahawa beberapa kategori pelajar akan dibenarkan kembali ke universiti secara fizikal bagi menjalani aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid (dalam talian dan bersemuka) seperti tarikh-tarikh berikut:

<b>15, 16 dan 17 Oktober 2021 (Jumaat, Sabtu dan Ahad)</b>	
<b>Kategori Pelajar</b>	
1. <b>Pelajar Program Teknologi</b> Semua Pelajar Kanan, Program Teknologi <b>(Kod Program: BVE, BVI, BVM, BVW, BVA, BVF)</b>	
2. <b>Pelajar Program Kerjasama UMP - Universiti Jerman</b> Semua Pelajar Program Kerjasama UMP-Universiti Jerman (termasuk pelajar baharu Kemasukan Semester I, Sesi Akademik 2021/2022) <b>(Kod Program: BHM, BHA, BPN)</b>	
3. <b>Pelajar yang telah diluluskan permohonan kembali ke kampus</b> (Tidak mempunyai akses Internet dan tidak mempunyai persekitaran pembelajaran yang kondusif)	
4. <b>Pelajar Tahun Akhir</b> Pelajar Tahun Akhir, Program Kejuruteraan <b>(Kod Program: BAA, BKC, BMM, BMA, BEP, BEE, BFM, BFF)</b>	

<b>22, 23 dan 24 Oktober 2021 (Jumaat, Sabtu dan Ahad)</b>
<b>Kategori Pelajar</b>
<b>4. Pelajar Tahun Akhir</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar Tahun Akhir, Program Teknologi Kejuruteraan <b>(Kod Program: BTE, BTW, BTS, BTM, BTV, BTC, BTF, BTK, BTO)</b></li> <li>ii. Pelajar Tahun Akhir, Program Sains dan Teknologi <b>(Kod Program: BSP, BSK, BSB)</b></li> <li>iii. Pelajar Tahun Akhir, Program Pengurusan Teknologi <b>(Kod Program: BPT)</b></li> </ul>
<b>5. Pelajar Tahun 3 (Sarjana Muda) dan Pelajar Tahun Akhir (Diploma)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar Tahun 3, Pusat Sains Matematik <b>(Kod Program: BSD)</b></li> <li>ii. Pelajar Tahun 3, Fakulti Sains dan Teknologi Industri <b>(Kod Program: BSB, BSP)</b></li> <li>iii. Pelajar Tahun 3, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam <b>(Kod Program: BTV, BTC)</b></li> <li>iv. Pelajar Diploma Tahun Akhir (Tahun 2 dan 3 – Tidak layak mengikuti Latihan Industri) <b>(Kod Program: DMM, DKC, DEE, DAA, DCS)</b></li> </ul>
<b>6. Semua Pelajar Baharu Antarabangsa</b>
<b>7. Pelajar Berkeperluan Khas (OKU)</b>
<b>8. Pelajar Pascasiswa yang berkeperluan dengan aktiviti makmal</b>
<b>9. Pelajar Tahun 2 - Program Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar Diploma Tahun 2 <b>(Kod Program: DMM, DKC, DEE, DAA, DCS, DPS)</b></li> <li>ii. Pelajar Program Kerjasama (UMP – Beijing Jiatong University, China) <b>(Kod Program: BMM, BAA, BEP)</b></li> </ul>

**29, 30 dan 31 Oktober 2021  
(Jumaat, Sabtu dan Ahad)**

**Kategori Pelajar**

**10. Pelajar Tahun 2 - Program Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi**

- i. Pelajar Sarjana Muda Tahun 2

**(Kod Program: BAA, BEP, BFF, BFM, BKC, BMA, BMM, BPS, BSB, BSD, BSK, BSP, BTC, BTE, BTF, BTK, BTM, BTO, BTV, BTW, BTS)**

**11. Pelajar Berstatus P1 dan P2, Program Sarjana Muda dan Diploma**

**12. Pelajar Sabah, Sarawak dan Labuan seperti dalam kategori 1 hingga 11  
(Prasiswazah dan Pascasiswazah)**

**Bermula**

**29 Oktober 2021 (Jumaat)**

**Tertakluk kepada jadual bas yang ditentukan oleh  
Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH)**

**Kategori Pelajar**

**13. Pelajar dari kategori 1 hingga 11 yang memerlukan perkhidmatan kenderaan universiti (Berdasarkan pengesahan pelajar yang akan dibuat selepas pelajar mengisi maklumat dalam sistem JHEP)**

2. Pelajar dalam semua kategori di atas diminta hadir ke kampus bagi mengikuti aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran secara hibrid (secara dalam talian dan bersemuka). **Kegagalan pelajar untuk kembali ke kampus yang boleh menjasikan prestasi akademik dan tamat pengajian pelajar adalah menjadi tanggungjawab pelajar itu sendiri.**
3. Pelajar **WAJIB** mengesahkan kehadiran melalui <https://community.ump.edu.my>> **Sistem Pulang Ke Kampus** yang akan **dibuka bermula 20 hingga 30 September 2021** bagi tujuan penyelarasan kemasukan di universiti. **Surat Kebenaran Merentas Negeri** boleh dimuat turun melalui pautan yang sama setelah pelajar selesai:
- Kemas kini status vaksin pelajar;
  - Mengesahkan kehadiran;
  - Memilih slot bagi tujuan saringan kesihatan;
  - Memilih kaedah kenderaan kembali ke kampus; dan

- v. Kemas kini status vaksin ibu, bapa atau penjaga sekiranya memilih untuk balik ke kampus dengan kenderaan ibu bapa/penjaga.
4. Semua pelajar yang dikehendaki kembali ke kampus juga **WAJIB**:
- i. Menginap di Residen Pelajar yang disediakan bagi mewujudkan kelompok gelembung kampus (*Campus Bubble*).
  - ii. Melengkapkan vaksin iaitu menerima dua dos yang mele过asi hari ke-14 daripada tarikh suntikan dos kedua (Vaksin Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac). Manakala bagi penerima vaksin satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino) perlu mele过asi hari ke-28 daripada tarikh suntikan.
5. Selaras dengan kenyataan rasmi ini, pemakluman pentadbiran dan operasi pengurusan pelajar kali ke-13, Bil. 13/2021 berkenaan penawaran penginapan pelajar di Residen Pelajar bagi Sesi Akademik 2021/2022 adalah **TERBATAL** dengan sendirinya.
6. Pemakluman ini juga terpakai kepada **para pelajar sedia ada** yang berada di dalam kampus.
7. Bagi para pelajar yang memerlukan keterangan lanjut boleh menghubungi:
- i. Bilik Gerakan UMP di talian 09-549 3333 (UMP Kampus Gambang) dan 09-424 6999 (UMP Pekan) untuk mendapatkan sebarang khidmat nasihat dan prosedur yang berkaitan.
  - ii. Bagi urusan akademik para pelajar perlu menghubungi dan merujuk pihak fakulti melalui Penasihat Akademik masing-masing.

Sebarang perubahan tertakluk kepada ketetapan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), KPT dan pemakluman rasmi UMP dari semasa ke semasa.

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang**

**15 September 2021**